

15/07/2002

Beri sebab kenapa Pas maki Umno: Dr M (HL)

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap Pas yang tidak menyatakan secara khusus kesalahan yang dilakukan pemimpin kerajaan, khususnya Umno, sehingga menghalalkan mereka terus dimaki hamun pemimpin parti pembangkang itu.

Sambil menyatakan kesedihan dengan sikap pemimpin Pas yang terus menggalakkan perbuatan maki hamun yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam, Perdana Menteri berkata Pas mesti menyatakan sebabnya yang menghalalkan mereka memaki hamun pihak lain, bukan sekadar mendakwa mereka berhak berbuat demikian.

"Saya tak tahulah kalau ada orang berbuat sesuatu yang tak baik, bagi tahulah apa dia yang tak baik. Tetapi dia kata cuma kalau dia maki tentu ada pasal (sebab), apa pasal dia, apa sebab," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penghargaan Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi di Hotel Marriot Putrajaya di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas sikap pemimpin Pas yang terus memaki hamun pemimpin negara ketika berceramah, khususnya ketika kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Kedah.

Minggu lalu, ketika melawat Kedah, Dr Mahathir menasihatkan pemimpin Pas supaya menghentikan sebarang bentuk cacian dan memaki pemimpin Barisan Nasional (BN) dan kembali berpegang kepada ajaran Islam sebenar.

"Kita tak nak maki, itu bukan cara kita. Kita nak suruh depa pegang pada ajaran agama. Kalau ada perbezaan pendapat pun, janganlah sampai hendak maki orang, tak baik," katanya merujuk perbuatan beberapa pemimpin Pas, khususnya Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu.

Bagaimanapun, nasihat Perdana Menteri itu bukan saja tidak diendahkan Pas, malah Menteri Besar Kelantan yang Mursyidul Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mempertahankan tindakan Mohamad Sabu itu.

Mengenai tindakan Nik Aziz itu, Dr Mahathir berkata beliau hairan dengan sikap dan budaya pemimpin Pas yang mendakwa sebagai ulama, tetapi menggalakkan perbuatan buruk sedemikian.

"Itulah saya hairan dengan Nik Aziz, dia pertahankan (Ahli Parlimen Sik, Datuk) Shahnnon Ahmad bila Shahnnon mencarut, dia pertahan Mohamad Sabu bila dia maki hamun, jadi apa jenis ni... apa budaya pemimpin Pas yang semacam itu," katanya.

Mengenai tindakan Pas menggunakan isu pembelajaran Matematik dan Sains sebagai modal kempen pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir berkata Pas tidak sepatutnya berlagak kononnya parti itu memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pemimpin Pas sendiri sudah menyatakan mereka akan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu apabila mereka berkuasa.

"Saya tak tahu apa sebabnya Pas nak mempertahankan bahasa Melayu sedangkan Pas berkata sekiranya dia berkuasa dia nak hapuskan hak keistimewaan orang Melayu.

"Hadi (Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang) sendiri kata kalau dia berkuasa dia nak hapuskan hak keistimewaan orang Melayu. Tentulah dia tak berminat dengan bahasa Melayu, bahasa apa pun tak payahlah dia membantah," katanya.

Dr Mahathir berkata, daripada tindak tanduk Pas itu jelaslah mereka membuat sesuatu semata-mata untuk kepentingan politik kepartian iaitu

untuk memancing undi, bukan kerana memperjuangkan kepentingan orang Melayu atau agama Islam.

Mengenai pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, BN mempunyai peluang menawan semula kedua-dua kawasan itu tetapi ia memerlukan kerja keras anggota komponen parti.

Ditanya apakah beliau akan membantu kempen itu serta mesej yang akan disampaikan kepada pengundi di sana, Dr Mahathir berkata kerajaan BN berpegang kepada nilai dan ajaran agama Islam.

"Kita pegang kepada prinsip dan kita pegang kepada ajaran Islam supaya kita tidak buat benda yang ditegah agama Islam," katanya.

Mengenai tindakan penyokong Pas menghalang anggota Pergerakan Pemuda Umno dan Puteri Umno, Dr Mahathir berkata rakyat mesti menilai kesan akibat tindakan mereka.

"Itu untuk rakyat membuat penilaian, kalau rakyat menyokong orang yang buat kerja tak baik, mereka akan dapat nasib yang tak baik," katanya.